



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

1.1 Jawatan : **PENOLONG JURUTERA GRED JA29**
(1 Jawatan)

1.2 Jadual Gaji Gred JA29
:

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Minimum
JA29	RM 1,549.00	RM5,701.00

1.3 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

(c)(i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 **RM1,549.00**); atau

(ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 **RM1,935.02**)

1.4 Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(2) Taraf Jawatan : **Tetap**

(3) Panduan/Cara Memohon

- 3.1) Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat <https://www.lada.gov.my/jawatan-kosong/>
- a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:-
- i. Kad Pengenalan;
 - ii. Sijil Kelahiran;
 - iii. Sijil Berhenti Sekolah;
 - iv. Sijil Pelajaran Malaysia;
 - v. Sijil dan Transkrip Diploma;
 - vi. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia;
 - vii. Sijil Tinggi Agama Malaysia;
 - viii. Sijil Matrikulasi; dan
 - ix. Lain-lain sijil yang berkaitan(kurikulum & kokurikulum)
- 3.2) Setiap permohonan mestilah ditulis (**NAMA JAWATAN YANG DIPOHON**) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-
- Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
(u.p. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)
- (4) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan dari tarikh tutup** permohonan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (5) Permohonan yang ditolak:
- 5.1 Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
 - 5.2 Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan (salinan kad pengenalan, sijil lahir dan salinan sijil-sijil yang berkaitan);
 - 5.3 Tidak lengkap dan tidak terang;
 - 5.4 Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - 5.5 Tidak menandatangani borang permohonan; dan
 - 5.6 Mengemukakan maklumat palsu.

- (6) Tarikh tutup permohonan ialah pada **23 NOVEMBER 2020**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.